

MSM CATAT KERUGIAN SELEPAS CUKAI SEBANYAK RM73 JUTA BAGI S3 TK22

KUALA LUMPUR, NOVEMBER 21, 2022 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) merekodkan kerugian selepas cukai (LAT) sebanyak RM73 juta bagi suku ketiga (S3) tahun kewangan berakhir Disember 2022 (TK2022), berbanding keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM97 juta untuk 3Q2021 hasil daripada kos pengeluaran yang lebih tinggi melebihi kenaikan Harga Jualan Purata (ASP). Termasuk dalam kerugian bagi suku tersebut adalah peruntukan perakaunan tertentu berkaitan operasi berjumlah RM46 juta. Pembalikan ke atas peruntukan ini boleh direkod pada suku akan datang sejajar dengan unjuran yang lebih baik terhadap nilai operasi syarikat.

Hasil bagi suku ketiga meningkat 22 peratus kepada RM668 juta berbanding RM549 juta bagi suku yang sama tahun lepas, manakala bagi 9M2022 direkodkan pada RM1.88 bilion, peningkatan ketara sebanyak 17 peratus daripada RM1.61 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan hasil bagi 9M2022 adalah disebabkan oleh kenaikan Harga Jualan Purata (ASP) bagi gula bertapis untuk segmen Borong, Industri dan Eksport, didorong oleh NY11 yang lebih tinggi dan peningkatan dalam premium Eksport.

ASP yang baharu lebih tinggi akan meningkatkan prestasi tetapi untuk S3 prestasi kewangan keseluruhan Kumpulan mengekalkan kos input pengeluaran yang tinggi. Kerugian itu juga disebabkan oleh pengeluaran yang lebih rendah di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor) yang secara keseluruhannya, di mana program penambahbaikan sedang berjalan dengan baik. Kerugian operasi bersih terutamanya disebabkan oleh 18 peratus kos pengeluaran yang lebih tinggi dalam tempoh itu berpunca daripada NY11 14 peratus lebih tinggi, kos pengangkutan 5 peratus lebih tinggi, kadar USD/MYR 6 peratus lebih tinggi dan kadar gas 59 peratus lebih tinggi.

“Kumpulan terus berhadapan dengan persekitaran semasa yang mencabar bersandarkan kos input yang tinggi terutamanya gula mentah, pengangkutan, gas asli dan kelemahan Ringgit Malaysia. Kos input lain seperti bahan pembungkusan, upah dan logistik darat juga meningkat dengan ketara. Di samping itu, margin untuk segmen pengguna terus berkurangan dipengaruhi harga jualan terkawal yang diwartakan. Harga terkawal yang sekian lama tidak berubah telah menjadikan Malaysia negara termurah di Asia Pasific dalam harga runcit gula pada RM 2.85/kg. Sebagai contoh, Thailand melebihi RM3.40/kg, Indonesia melebihi RM4.40/kg dan Filipina lebih RM6.00/kg. Sebagai pemain industri gula bersama, kami telah memaklumkan kepada kerajaan keperluan untuk pelarasan harga yang



lama tertangguh,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad.

Pasaran domestik dan eksport menyaksikan permintaan yang lebih kukuh yang menyediakan peluang pertumbuhan dan pemulihan penggunaan produk termasuk gula merentasi segmen Pengguna dan Perindustrian. MSM kekal fokus dalam memenuhi permintaan ini dengan menambah baik operasi terutamanya untuk memastikan MSM Johor mencapai operasi yang stabil, kos penapisan yang lebih rendah dengan kecekapan yang lebih tinggi. Secara progresif, program peningkatan MSM Johor berada di landasan yang betul untuk disiapkan dengan dua dandang awal tahun depan berbanding dengan satu dandang pada masa ini. Gangguan perniagaan di MSM Johor sebelum ini, berpotensi dikurangkan dengan perlindungan insurans yang berkaitan.

“MSM akan memastikan bekalan gula yang konsisten disediakan untuk pasaran. Kami akan terus berhubung dengan Kerajaan untuk mendapatkan semua sokongan ekonomi yang diperlukan, terutamanya semakan harga gula yang akan berlaku dalam memastikan keselamatan makanan walaupun menghadapi pelbagai cabaran,” tambah Syed Feizal lagi.

Kumpulan MSM kekal fokus untuk meningkatkan pengeluarannya, meningkatkan hasil, mengurangkan lagi kos unit dan mengurangkan kerugian. Salah satu inisiatif yang dikenal pasti adalah untuk memulakan tenaga alternatif seperti solar bagi mengurangkan penggunaan elektrik dan sasaran untuk dimulakan pada 2023 dengan MSM Prai Berhad dan MSM Sungai Buloh Warehouse. MSM akan terus mengejar pertumbuhan yang mampan dengan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dipertingkatkan dalam Kumpulan MSM melalui pelbagai inisiatif berterusan dan baharu.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2021, MSM mengeluarkan sebanyak 895,222 tan gula bertapis, di mana 246,101 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM900 juta setakat 31 Disember 2021. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.



Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail

+603 2181 5018 ext. 154

+6019 225 9705

syahidah.i@msmsugar.com